

Oleh:

Prof. Dato`Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abd. Majid

Pendahuluan:

Apabila Islam datang sebagai agama penyudah, “*zakat*” telah dijadikan sebagai salah satu rukunnya yang lima. Ia merupakan suatu peningkatan kepada sistem yang telah sedia ada di bawah agama-agama langit sebelum itu, iaitu “*Ihsan*”. Walaupun kedua-dua sistem ini ada persamaannya dalam sifat sebagai sumbangan pihak yang berada kepada golongan yang memerlukan, namun zakat adalah hak yang boleh dituntut oleh mereka yang berhak menerimanya, berbanding Ihsan yang lebih bersifat sumbangan sukarela sahaja.

Peningkatan ini banyak berasaskan kepada hakikat Islam adalah suatu agama dan cara hidup, atau diistilahkan oleh sesetengah orang sebagai *a/-*

Din. Agama-agama langit terdahulu hanya bersifat agama sahaja, kerana itu sumbangan yang diperlukan lebih bersifat keagamaan semata-mata, iaitu *Ihsan*, atau boleh diterjemahkan sebagai derma simpati. Sedangkan zakat mengandungi dua sifat sekaligus, iaitu kewajipan keagamaan dan pada waktu yang sama kewajipan kenegaraan. Sebagai kewajipan agama, orang yang menafikannya dianggap sebagai pendusta agama, dan sebagai kewajipan kenegaraan, orang yang gagal menunaikannya boleh dihukum, sementara mereka yang menentanginya secara berkumpulan boleh diperangi sebagai kumpulan penderhaka.

Kerana itulah institusi zakat tidaklah merupakan institusi agama atau masyarakat semata-mata, tetapi lebih daripada itu merupakan juga institusi pentadbiran dan pemerintahan negara. Berasaskan kepada sifatnya ini al-Quran memerintahkan supaya ia diurus oleh kerajaan dan negara sebagai suatu sistem kewangan awam yang tersusun, dan tidak

boleh dibiarkan orang perseorangan atau kumpulan masyarakat untuk melaksanakannya. Dengan kata lain, ia bukan urusan individu, atau mana-mana kelompok masyarakat, tetapi lebih daripada itu kerja kerajaan dan negara. Dari perspektif ini skop penglihatan kepada kewajipan zakat ini tidak boleh difokuskan kepada aspek kewajipan memberi atau menunaikannya sahaja, tetapi juga kepada aspek pentadbiran dan penguatkuasaannya juga.

Berasaskan kepada kedudukan inilah maka sejak di zaman Rasulullah s.a.w. lagi para pegawai sentiasa dihantar ke daerah-daerah bagi tujuan, antara lain mengurus pentadbiran zakat sebagai sebahagian daripada pentadbiran negara. Berasaskan kepada kedudukan inilah juga maka para sarjana kewangan Islam, seperti Abu Yusuf, al-Mawardi, Abu Ya'la, Abu 'Ubaid dan ramai lagi biasanya memperkatakan tentang zakat bukan dalam bab ibadat, tetapi dalam bab kewangan awam dan percukaian. Dalam zaman ini, antara contoh ialah

Yusuf al-Qaradhawi dalam bukunya yang masyhur, *Fiqh al-Zakat* menyifatkan zakat sebagai cukai.

Pentadbiran Zakat Di Malaysia.

Walau pun tiada rekod yang jelas tentang sejarah pentadbiran zakat di negara ini, namun andaian boleh dibuat bahawa ianya telah diperkenalkan di kalangan masyarakat Islam di negara ini sejak mula kedatangan Islam lagi. Sebab itulah tradisi membayar zakat di kalangan para petani di negara ini kekal dengan begitu kuat dan mendalam sekali sampai ke hari ini, walaupun berasaskan fiqh semasa mereka sepatutnya tidak dikenakan zakat kerana mereka adalah golongan masyarakat miskin.

Apabila kerajaan Islam Melaka ditubuhkan tentu sekali zakat merupakan satu bidang dalam pentadbiran negara yang baru muncul itu. Begitulah seterusnya apabila negara Islam itu berkembang ke negeri-negeri lain di Semenanjung, begitu juga di

Sabah dan Sarawak melalui Brunei. Masalah samada undang-undang dan pentadbiran zakat itu telah dilaksanakan dengan sempurna atau sebaliknya adalah masalah lain . Sepertimana kata Prof. Ahmad Ibrahim, proses undang-undang dan pentadbiran Islam di Malaysia telah berlaku secara beransur-ansur sejak awal kedatangannya lagi dan hampir sempurna sepenuhnya menjelang kedatangan penjajah.

Oleh kerana undang-undang dan pentadbiran yang berkembang di Malaysia sebelum kedatangan penjajah itu sifatnya sebagai undang-undang negara yang tunggal maka tidak salah dianggarkan bahawa undang-undang dan pentadbiran zakat yang ada pada waktu sebelum kedatangan penjajah barat itu merupakan sebahagian daripada undang-undang dan pentadbiran cukai kerajaan. Maksudnya bukan sebagai undang-undang agama dalam konsep yang sekular sepertimana yang diajar kepada kita oleh penjajah dan diamalkan sampai ke hari ini.

Hanya penjajalah kemudiannya yang menolak undang-undang dan pentadbiran zakat bersama semua undang-undang dan pentadbiran Islam yang lain ke sudut yang sempit, yang kemudiannya dikenali sebagai undang-undang pentadbiran hal ehwal agama Islam. Sementara tempat dan kedudukan undang-undang dan pentadbiran Islam yang asal sebagai undang-undang negara telah dirampas oleh undang-undang dan pentadbiran penjajah, terutama penjajah Inggeris melalui berbagai tipu helah yang licit, bermula daripada pengisytiharan Piagam Keadilan Pertama pada tahun 1807 sehinggalah kepada penguatkuasaan Ordinan Undang-undang Sivil pada tahun 1956 iaitu menjelang tahun kemerdekaan.

Apabila penjajah Inggeris mengisytiharkan dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu, ia sebenarnya bererti lepas tangan dan membiarkan ianya berkembang sendiri tanpa apa-apa sandaran kerajaan. Di bawah konsep

yang licit inilah Inggeris berjaya membina dualisme dalam undang-undang dan pentadbiran di negara ini dan terus diamalkan sampai ke hari ini kerana mereka telah berjaya membina tradisi yang kuat dan sukar diganti dengan begitu sahaja. Khusus mengenai zakat, ia terus ditadbirkan sebagai urusan keagamaan di bawah kuasa negeri, sedangkan mengikut dasar asalnya sepertimana yang terdapat dalam Islam ia sepatutnya merupakan sebahagian daripada undang-undang dan pentadbiran cukai negara sepertimana yang terdapat pada hari ini.

Realiti Yang Sukar:

Kemerdekaan yang dicapai daripada penjajah pada tahun 1957 bagi Semenanjung dan kemudiannya pada tahun 1963 bagi Sabah dan Sarawak bukanlah ibarat lampu Aladin yang dapat membereskan semua soal. Ia sekadar kemerdekaan “politik” dan bukan kebebasan sebenarnya. Untuk bebas daripada penjajah dan pengaruhnya kita

memerlukan jangka masa yang panjang sepadan dengan jangka masa yang begitu lama negara ini berada di bawah mereka.

Khusus mengenai undang-undang dan pentadbiran Islam, kemerdekaan yang kita banggakan itu hanya memberi jaminan yang sangat sedikit. Ia mungkin terdapat dalam kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi dan kedudukan undang-undang dan pentadbiran Islam di bawah senarai negeri. Sebagai sebahagian daripada undang-undang dan pentadbiran Islam dalam konsepnya yang sekular ini, undang-undang dan pentadbiran zakat turut berada pada kedudukan yang sukar ini.

Di bawah kedudukan yang sukar inilah undang-undang dan pentadbiran zakat memulakan sejarah hidup selepas era penjajahannya bersama-sama dengan berbagai undang-undang dan pentadbiran Islam yang lain, seperti wakaf, baitulmal, nikah cerai, jenayah syariah, malah bersama Mahkamah Syariah,

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu dan sebagainya.

Alhamdulillah, setelah lima puluh tahun merdeka, walaupun undang-undang dan pentadbiran Islam di negara ini terpaksa bekerja dalam keadaan yang sukar namun hasilnya boleh dibanggakan dan sepadan dengan tempoh selama itu. Meskipun berbanding dengan matlamat sebenar yang sepatutnya dicapai, pencapaian setakat ini jauh di bawah. Namun berbanding dengan sejarah penjajahan yang begitu lama apa yang dicapai pada hari ini sangat membanggakan.

Pencapaian yang baik ini menjadi bukti bahawa ruang yang sempit dan realiti yang sukar tidak selama-lamanya menjanjikan hasil yang remeh. Begitulah juga sebaliknya. Kerana kejayaan dalam hidup ini tidak sekadar bergantung kepada satu faktor sahaja, tetapi berbagai-bagai faktor yang kadangkala tampung menampung.

Khusus dalam realiti undang-undang dan pentadbiran Islam di Malaysia sekarang ini, antara faktor kejayaan yang dicapai ialah kerjasama yang erat daripada kerajaan persekutuan dan institusi-institusi dibawahnya. Melalui institusi-institusi ini kerajaan persekutuan telah memberi ruang yang selesa kepada institusi-institusi Islam yang tersepit dalam keadaan yang sukar itu sehingga menjadikannya berada dalam keadaan yang selesa untuk berfungsi dengan lebih baik.

Dengan mengambil contoh, misalnya penubuhan Majlis Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) dan Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) telah memberi ruang yang cukup selesa kepada pentadbiran hal ehwal agama Islam dan mahkamah Syariah di negara ini yang secara perlembagaannya berada di bawah kuasa negeri. Malah sokongan yang diberikan oleh institusi-institusi yang ada kaitannya dengan jabatan-jabatan ini telah

menambahkan lagi peluang jabatan-jabatan yang bersifat keislaman ini untuk berjaya. Sebagai contoh ialah sokongan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada JAKIM, dan sokongan Jabatan Peguam Negara (JPN) kepada JKSM . Satu contoh lain ialah bagaimana peranan yang dimainkan oleh Bank Negara dalam memperkembangkan sistem kewangan Islam di negara ini sehingga menjadi antara yang terbaik dan terulung di dunia.

Semuanya ini menunjukkan bahawa undang-undang dan pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini walaupun diberi ruang yang sempit oleh perlembagaan tetapi boleh berkembang dengan baik kerana adanya budi bicara pentadbiran kerajaan persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya. Situasi yang menguntungkan ini diharap kekal dan terus berkembang sehingga berhasil mencapai berbagai kejayaan yang boleh memberi keuntungan kepada negara ini sendiri.

Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji:

Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji di peringkat persekutuan merupakan langkah susulan yang bermakna kearah mencapai tujuan yang dibangkitkan di atas tadi. Bagi undang-undang dan pentadbiran zakat ia merupakan suatu wadah besar yang boleh menampung banyak aktiviti kearah memenuhi fungsi zakat sebagai rukun Islam dan sebagai sebahagian daripada institusi kewangan negara. Sepertimana institusi-institusi pentadbiran Islam diperingkat persekutuan yang lain, jabatan yang baru ditubuhkan ini bukan sahaja tidak mengganggu kuasa-kuasa negeri malah menjadikannya lebih mantap dalam suatu ikatan yang diselaraskan diperingkat pusat. Faedahnya akan kembali kepada negeri juga.

Adalah diharapkan, di bawah pengaruh jabatan ini banyak kerjasama boleh dibuat dengan jabatan-jabatan di peringkat kerajaan persekutuan yang ada

perkaitan fungsi dengan jabatan ini, misalnya Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Sebenarnya kerjasama seperti ini di antara jabatan zakat di negeri-negeri dan LHDN telah lama terjalin dan telah pun menghasilkan sedikit sebanyak faedah kepada masyarakat, terutama masyarakat Islam. Sebagai contohnya ialah penolakan cukai atau rebat bagi jumlah zakat pendapatan perseorangan yang dikeluarkan oleh mana-mana individu. Rebat seperti ini telah memberi galakan kepada pembayar cukai membayar zakat tanpa rasa terbeban dengan dua kewajipan atas pendapatan yang sama; satu untuk dunia dan satu lagi untuk akhirat. Hasilnya jumlah kutipan zakat telah melonjak naik dan faedahnya diterima oleh umat Islam di negara ini.

Memandangkan kejayaan yang telah dicapai sebelum ini, kerjasama seperti ini perlu diteruskan dengan secara yang lebih meluas. Adalah suatu agenda yang baik kalau langkah seterusnya ialah penolakan cukai atau rebat ditawarkan oleh LHDN

kepada para pembayar zakat perniagaan. Bukan sepertimana kata pepatah “Beri betis hendakkan paha”, cadangan seperti ini bukanlah untuk faedah jabatan zakat samada di negeri atau persekutuan sahaja, tetapi juga untuk faedah negara pada keseluruhannya.

Anggapan bahawa kerjasama yang luas seperti ini boleh mengurangkan pendapatan cukai negara perlu ditolak tepi. Kerana zakat bukanlah merupakan saingan kepada cukai, tetapi sebaliknya sebagai pelengkap yang boleh tampung menampung. Sebagaimana dimaklumi, zakat merupakan tabungan bagi perbelanjaan khusus bukan seperti cukai yang digunakan untuk perbelanjaan am negara. Ia lebih bersifat tabungan untuk mengatasi kemiskinan tegal, kebajikan sosial dan bantuan darurat. Ini bererti, semakin banyak dana zakat yang terkumpul semakin luas peranan yang boleh dimainkan olehnya dan semakin banyak pula ruang yang boleh ditampung di mana selama ini terpaksa ditanggung oleh kerajaan

dengan menggunakan hasil kutipan cukai dan sebagainya.

Dengan kata lain, penolakan cukai atau rebat bagi pembayaran zakat perniagaan lebih bersifat sebagai usaha mengembalikan kedudukan Islam ke tempat yang lebih hampir kepada kedudukannya yang asal sebelum penjajahan. Ia suatu proses yang tidak merugikan percukaian negara kerana fungsi atau tanggungjawab tabungan zakat akan menjadi lebih besar dengan bertambahnya pendapatan. Dengan kata lain, untungnya ada ruginya tiada.

Bandingannya samalah dengan bidangkuasa yang dilepaskan oleh mahkamah awam untuk diambil kembali oleh mahkamah Syariah selepas dirampas oleh para penjajah dahulu. Tiada apa-apa kerugian yang dialami oleh mahkamah awam kerana bidangkuasa bukan sekadar kuasa tetapi juga bererti tugas dan tanggungjawab. Dengan melepaskan sedikit bidang kuasa kepada mahkamah Syariah

beban tugas mahkamah awam juga menjadi sedikit lebih ringan. Sekali lagi, untungnya ada ruginya tiada.

Zakat Sebagai Kewajipan Agama:

Satu perkara yang sangat perlu diberi perhatian di sini ialah kedudukan zakat sebagai kewajipan agama. Sebagaimana umum mengetahui dan sepertimana telah disebut di atas zakat adalah salah satu rukun Islam yang lima. Khusus bagi perniagaan Rasulullah s.a.w. pernah menyebut bahawa sembilan puluh peratus rezeki berada dalam perniagaan. Ini menunjukkan bahawa zakat perniagaan merupakan sumber yang sangat lumayan bagi zakat dan wajib dikeluarkan sebagai tanggungjawab keagamaan.

Sebagai kewajipan agama, tidak menunaikannya boleh menyebabkan dosa. Sebagai rukun Islam pula tidak menunaikannya boleh menyebabkan keislaman seseorang itu tergugat. Tetapi malang sekali dalam

keadaan sekarang ini, para peniaga Islam yang ingin melepaskan diri daripada dosa atau takut keagamaannya tergugat terpaksa membayar lebih daripada patut. Kerana ketiadaan penyelarasan di antara zakat dan cukai perniagaan para peniaga Islam yang komited dengan agama mereka terpaksa membayar dua jenis cukai atas harta yang sama, iaitu sesuatu yang bertentangan dengan prinsip percukaaian sendiri. Sepertimana telah ditegaskan di atas, meskipun dari satu perspektif zakat adalah tanggungjawab agama tetapi ia juga merupakan cukai sama seperti cukai-cukai biasa.

Bagaimana pula mereka yang komitmennya terhadap agama tidak setinggi golongan pertama di atas. Mereka mungkin mengambil keputusan untuk tidak membayar zakat kerana 2 ½ peratus yang dikenakan itu dikirakan banyak. Lainlah kalau kadar yang dibayar itu ditolak daripada jumlah cukai yang dibayar. Tentu sekali mereka akan merasa lebih selesa kerana ada kemudahan untuk menunaikan

tuntutan agama mereka dan melepaskan diri daripada dosa .

Penolakan kadar bayaran zakat daripada pungutan cukai ini juga boleh menggamit hati mereka yang komitmennya terhadap agama sangat rendah. Mereka juga mungkin tertarik untuk memenuhi tanggungjawab agama mereka kerana jalannya sangat terbuka. Dari perspektif ini kerajaan boleh dilihat sebagai telah menunaikan tanggungjawab dakwahnya dengan menyediakan infrastruktur agama, iaitu sama seperti membangunkan banyak masjid dan surau untuk menggalakkan orang bersembahyang, menubuhkan Lembaga Urusan Dan Tabung Haji untuk memberi keselesaan kepada umat Islam untuk menunaikan haji, dan sebagainya.

Sebaliknya mengabaikan semuanya ini boleh meletakkan kerajaan pada kedudukan yang kurang selesa dari segi agama. Kerana al-Quran sendiri secara jelas memerintahkan para pemerintah supaya

mengatur sendiri pungutan zakat ini dengan baik dan berkesan. Mengikut pandangan hari ini penyelarasan antara zakat dan cukai merupakan satu pilihan yang jelas keberkesanannya.

Sehubungan dengan ini adalah sangat berfaedah kalau peranan yang dimainkan oleh Bank Negara dijadikan contoh. Dengan pandangan baik yang diberikan oleh bank pusat tersebut kepada perkembangan perbankan Islam, ruang cukup terbuka bagi institusi kewangan Islam untuk bertapak dalam negara ini sebagai sebahagian daripada arus perdana. Langkah tersebut tidak sedikitpun mengurangkan kedudukan bank konvensional dari segi peluang untuk berlumba secara sihat. Hasilnya terciptalah apa yang disebut sebagai persaingan secara sihat yang menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Perbendaharaan negara boleh memainkan peranan seperti yang dimainkan oleh Bank Negara

ini. Ia perlu memberi pandangan baik kepada zakat agar dapat bertapak sebagai satu sistem yang selari dengan aliran perdana negara dan bukan suatu aliran yang terpinggir sepertimana yang berlaku pada hari ini.

Dua Sistem Yang Selari:

Segala cadangan di atas adalah selaras dengan kepercayaan kita bahawa dalam negara seperti Malaysia ini zakat dan cukai perlu bergerak selari. Pergerakan seperti ini akan mengambil kira kepentingan bersama berasaskan hasrat untuk meneruskan dasar Malaysia sebagai sebuah negara moden yang menerima Islam sebagai agama rasmi. Dasar seperti inilah yang menjadi asas kepada penerimaan hakikat bahawa mahkamah Syariah dan mahkamah sivil boleh bergerak selari . Begitulah juga dengan sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional.

Semuanya ini memberi erti bahawa bukanlah menjadi hasrat kita untuk mencadangkan penukaran sistem percukaian di negara ini sekarang kepada sistem Islam sepenuhnya. Sepertimana penerimaan kita terhadap kewujudan dua sistem kehakiman Syariah dan sistem kehakiman konvensional, juga sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional, maka begitulah juga dengan masalah zakat dan cukai ini. Apa yang lebih penting ialah kemantapan hubungan antara kedua-dua sistem Islam dan sekular ini berasaskan kepada semangat perlembagaan yang kita terima sebagai asas kepada pembentukan sebuah negara moden yang menerima Islam sebagai agama rasmi.

Sebagai suatu sistem yang berasaskan kepada agama Islam yang maha suci, kita percaya bahawa sistem percukaian Islam, termasuk zakat mempunyai falsafah dan dasar yang jauh lebih sempurna daripada sistem percukaian moden yang kita warisi daripada penjajah sekarang ini. Samalah juga halnya

dengan sistem kehakiman Syariah dan sistem kehakiman konvensional, begitu juga sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional.

Bagaimanapun pengabaian sistem Islam dalam jangka masa yang begitu lama di seluruh dunia Islam telah menjadikan sistem ini kurang berpengalaman dan tidak mempunyai tradisi pengurusan yang tinggi berbanding dengan sistem konvensional yang ada. Kerana itulah kita dapati dan dapat melihat dengan mata kepala kita sendiri betapa setiap yang disebut sebagai pengurusan atau pentadbiran Islam di negara kita ini boleh dikatakan keseluruhannya lemah berbanding dengan sistem konvensional yang kita warisi dari zaman penjajah dan terus diperbaharui selaras dengan perkembangannya di barat sekarang ini. Kerana persoalannya bukan persoalan falsafah dan dasar sahaja, tetapi juga amalan dan tradisi yang boleh menentukan samada sesuatu sistem itu benar-benar cekap atau sebaliknya.

Tegasnya, sistem zakat di negara ini perlu memantapkan pengalaman dan tradisi pengurusannya bagi mencapai nilai profesionalisme yang tinggi sehingga setanding dengan pengalaman dan tradisi yang terdapat dalam sistem percukaian konvensional. Bagi tujuan kemantapan ini kita perlu sabar menunggu walaupun dalam jangka masa yang agak lama. Dengan mengambil contoh para penjajah di negara kita ini yang mengambil masa begitu lama sebelum memperkenalkan sistem perundangan mereka, maka begitulah juga kita perlu mengambil masa yang secukupnya untuk memperkenalkan sistem Islam yang lengkap, bukan sahaja dari segi falsafah dan dasarnya tetapi juga dari segi pengalaman dan tradisi pengurusannya.

Oleh kerana itu segala contoh yang terdapat di dalam sistem percukaian negara, samada dari segi penentuan sumbernya, cara pungutan dibuat, cara perbelanjaan dilakukan dan sebagainya perlu dipelajari dengan baik. Kerana ia merupakan realisasi

yang berjaya dalam persekitaran yang ada. Untuk itu satu penyelarasan yang mantap perlu diadakan diantara dua sistem ini, dan buat masa hadapan yang dekat penyelarasan yang berkait dengan zakat keatas syarikat-syarikat perniagaan perlu menjadi tumpuan utama.

Sementara itu sistem pungutan dan agiihan zakat yang sedang diamalkan sekarang ini perlu terus diperkembangkan supaya lebih bersedia untuk berperanan lebih besar dan mendapat keyakinan yang lebih meluas dari berbagai kalangan. Sebagai contoh, sumbernya perlu dinilai dari masa kesemasa sesuai dengan perkembangan konsep kehartaan dan kekayaan dalam dunia moden sekarang. Termasuk juga soal mengenakan zakat atas entiti bukan manusia, seperti badan korporat. Dalam Islam, entiti seperti ini diiktiraf sebagai yang boleh menerima hak dan melaksanakan kewajipan.

Samalah juga dengan cara membelanjakan dana zakat itu sendiri. Miskipun dalam al-Quran jelas tersebut zakat hanya boleh dibelanjakan untuk lapan asnaf sahaja, namun konsep setiap asnaf itu perlu kepada penilaian semula dari masa ke semasa agar sesuai dengan objektif Syariah menentukan asnaf berkenaan. Juga penting dalam masalah perbelanjaan ini ialah perancangan yang mantap dan urusan yang telus agar masyarakat tidak merasa terkilan samada tentang ketelusan atau kebijaksanaan pihak yang memikul tanggungjawab membelanjakan harta zakat ini.

Akhir Kata:

Dalam seminar ini terdapat banyak kertas kerja yang melihat sistem zakat dari berbagai perspektif. Tujuannya ialah untuk memantapkan sistem berkenaan di samping sistem percukaaian yang ada. Suatu hal yang perlu sentiasa ada dalam ingatan ialah bahawa kita disuruh oleh Islam untuk memperdekatkan hak kepada yang berhak.

Kedudukan zakat sebagai satu sistem kewangan awam dalam aliran perdana perlu dikembalikan kepadanya agar ia boleh berfungsi dengan sepenuhnya

Islam hadhari yang telah kita jadikan sebagai asas kepada pembangunan negara dengan tegas menekankan tentang pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif. Tafsiran kepada perimbangan ekonomi dan sifatnya yang komprehensif begitu luas sekali. Dari perspektif Syariat Islam ia semestinya memberi erti mengurangkan kesan dasar sekularisme barat yang diamalkan selama ini dengan digantikan dengan nilai-nilai Islam yang pernah mencapai rekod cemerlang dalam membina tamadun manusia yang tinggi pada suatu zaman yang lampau. Khusus mengenai sistem zakat dan cukai ia mungkin bererti agar membuka peluang kepada sistem zakat untuk berkembang dengan baik dengan diberi kemudahan infrastruktur dan menghapuskan daki zaman yang terlekat padanya akibat daripada kejumudan pemikiran Islam

dalam beberapa abad sebelum ini dan tipu daya penjajah yang berhasrat untuk menyingkirkan Islam dari fungsinya yang asal dalam masyarakat manusia.

Adalah menjadi harapan supaya prinsip Islam Hadhari yang berkait dengan masalah kewangan dan ekonomi ini diberi perhatian yang serius dan utama memandangkan kelemahan serius dan utama umat Islam di negara ini ialah dalam bidang kewangan dan ekonomi. Insyallah, Tuhan akan bersama kita selagi kita jujur dengan ajaran dan kehendaknya. Kalau kita membantu Tuhan, Tuhan akan membantu kita dan menjadikan kita tegas dengan pendirian yang benar.

Wabillahi al-taufiq Wa al-hidayah.